

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU – PAS ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN (NO. 35)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bidang kuasa dan fungsi Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa dan fungsi Pesuruhjaya Sukan (PJS) digariskan melalui pewartaan Akta Pembangunan Sukan (APS) 1997 yang bertujuan untuk meningkatkan pentadbiran dan pendaftaran semua badan sukan di Malaysia serta penyeliaan tadbir urus badan sukan.
2. Pesuruhjaya Sukan mempunyai kuasa untuk mendaftar atau enggan mendaftar sesebuah badan sukan serta membatalkan atau menggantungkan pendaftaran tersebut sekiranya perlu. Selain itu, PJS mempunyai kuasa untuk meneliti urusan pentadbiran dan kewangan badan sukan serta memantau perjalanan pelaksanaan aktiviti badan sukan selain daripada memberi khidmat nasihat kepada badan sukan sekiranya terdapat sebarang pertikaian dan aduan oleh badan sukan.
3. Pesuruhjaya Sukan juga bertanggungjawab menyediakan garis panduan dan peraturan yang difikirkan sesuai untuk mewujudkan pentadbiran sukan yang lebih tersusun. Antara lain, Pesuruhjaya Sukan juga mempunyai kuasa bagi mengeluarkan lesen kepada syarikat untuk terlibat dalam penganjuran sukan atau dalam apa-apa aktiviti yang berkaitan sukan.

Sekian, terima kasih.